



**MINIT MESYUARAT KALI KE-64 MAJLIS BERSAMA JABATAN  
YANG DIADAKAN PADA HARI SELASA 22 DISEMBER 2020, JAM 2.30 PETANG  
BERTEMPAT DI BILIK PERSIDANGAN CANCELORI (CCR),  
ARAS 6, BANGUNAN CANCELORI, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA & WEBEX LIVE**

---

**Kehadiran : Pengerusi**

YBrs. Profesor Dr. Faisal Rafiq bin Mahamd Adikan  
Naib Canselor

**Ahli Wakil Majikan**

YBhg. Profesor Dato' Dr. Ahmad Farhan bin Mohd Sadullah  
Timbalan Naib Canselor  
Akademik & Antarabangsa

YBrs. Profesor Dr. Nor Azazi bin Zakaria  
Pengarah Kampus, Kampus Kejuruteraan

YBrs. Dr. Musa bin Ali  
Pendaftar

YBrs. Dr. Khairul Anuar bin Che Azmi  
Penasihat Undang-Undang

YBrs. Encik Kamarul Ariffin Bin Ngah  
Bendahari

Encik Mohd Azizudin bin Mohd Shariff  
Timbalan Pendaftar Kanan  
Bahagian Sumber Manusia

**Ahli Wakil Pekerja**

**Wakil Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM**

Profesor Madya Dr. Baharudin bin Ibrahim (Presiden)  
YBrs. Dr. Mohamed Azlan Bin Ashaari  
Dr. Ahmad Sufriil Azlan bin Mohamed  
Encik Abdul Mu'izz Bin Abd Aziz  
Profesor Madya Dr. Norazharuddin Shah Bin Abdullah  
Profesor Madya Dr. Muzaimi Mustapha  
Profesor Madya Dr. Mohamad Rashidi Bin Mohd Pakri  
Dr. Lee Hooi Ling

**Wakil Kesatuan Kakitangan Am USM**

YBrs. Encik Abdul Rahman bin Md. Ibrahim (Presiden)  
Encik Mohd Zulkifly bin Ibrahim  
Encik Azham bin Murat  
Encik Ahmad Rizwan bin Zulkharnain  
Encik Rahmat bin Md Hassan

Encik Syaarani Amri bin Muhamad  
Puan Azliza Binti Ahmad

**Setiausaha Bersama**

Encik Mohd Zulkarnain bin Mohamad Tajulariffin  
Timbalan Pendaftar  
Bahagian Sumber Manusia

Encik Nor Amin bin Ahmad  
Setiausaha  
Kesatuan Kakitangan Am

**Turut Hadir**

Profesor Dr. Adam Bin Husein  
Kampus Kesihatan

Profesor Dr. Aldrin Bin Abdullah  
Timbalan Naib Canselor  
Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni

Encik Rafizal Bin Abd Rahim  
Pegawai Kewangan  
Jabatan Bendahari

Encik Zulkifli Bin Che Hussin  
Pegawai Kebudayaan  
Jabatan Pendaftar

**Tidak Hadir:** YBhg. Profesor Dato' Dr. Ahmad Sukari bin Halim  
Pengarah Kampus Kesihatan

**MINIT 1 Aluan Pengerusi**

Pengerusi mengalu-alukan kedatangan dan merakamkan ucapan terima kasih kepada semua ahli yang hadir secara fizikal mahupun platform dalam talian ke Mesyuarat kali ke-64 Majlis Bersama Jabatan.

- 1.1 Pengerusi memaklumkan kepada mesyuarat bahawa ini merupakan bilangan mesyuarat MBJ ketiga dan terakhir bagi tahun 2020 dan mengucapkan tahniah kerana telah berjaya memenuhi tanggungjawab organisasi menjalankan mesyuarat MBJ bagi tahun 2020.
- 1.2 Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas inisiatif Pendaftar mengadakan Pra-Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan bersama pihak PKAPUSM (12 perkara perbincangan) pada 16 November 2020 dan juga bersama pihak KKAUSM (7 perkara perbincangan) pada 16 Disember 2020.
- 1.3 Mesyuarat mengambil maklum berkenaan ketidakhadiran ahli mesyuarat daripada Wakil Pegawai dan Wakil Pekerja ke Mesyuarat kali ke-64 Majlis Bersama Jabatan.
- 1.4 Pengerusi memberi ucapan aluan kepada ahli mesyuarat baharu PKAPUSM yang telah dilantik mengikut perlembagaan MBJ yang baharu sebagai ahli Majlis Bersama Jabatan USM. Ahli yang terlibat ialah:
  - i) Wakil Pekerja (Persatuan Kakitangan Akademik & Pentadbiran)

- ❖ YBrs. Dr. Mohamed Azlan Bin Ashaari
- ❖ Encik Abdul Mu'izz Bin Abd Aziz
- ❖ Profesor Madya Dr. Mohamad Rashidi Bin Mohd Pakri
- ❖ Dr. Lee Hooi Ling

## **MINIT 2 Pengesahan Minit Mesyuarat**

Mesyuarat mengesahkan Minit Mesyuarat ke-63 Majlis Bersama Jabatan yang telah diadakan pada hari Rabu, 19 Ogos 2020, jam 2.30 petang bertempat di Bilik Persidangan Canselori (CCR), Aras 6, Bangunan Canselori, Universiti Sains Malaysia.

## **MINIT 3 Perkara Berbangkit Dari Mesyuarat Ke-60**

### **3.1 [Minit 3.1] Cadangan Insurans Personal Accident (PA)**

Wakil daripada Jabatan Bendahari telah membentangkan cadangan penawaran insurans jenis Personal Accident untuk staf Universiti yang mencarum dalam Tabung Kebajikan Staf. Terdapat dua (2) jenis polisi yang bersesuaian untuk dipertimbangkan oleh Universiti iaitu:

- i. GPA (Group Personal Accident)**
- ii. GTL (Group Term Life)**

Walau bagaimanapun, pihak KKAUSM turut membentangkan tawaran polisi yang disediakan oleh CUEPACS Care PA sebagai pilihan lain dengan jumlah caruman berjumlah RM6 sebulan per staf, dengan skop perlindungan yang lebih luas.

Pendaftar mencadangkan agar caruman insurans ini mengambil hanya 50% dari jumlah yuran staf (Tabung Kebajikan Staf), dan baki kadar caruman insurans dibiayai oleh Universiti.

Penasihat Undang-Undang mencadangkan supaya insurans ini digabungkan bersama Ex-Gratia.

### **Keputusan:**

Pengerusi bersetuju untuk mengguna pakai pakej **CUEPACS Care PA** – RM6/bulanan caruman 50% daripada staf dan 50% daripada pihak Universiti dan mencadangkan supaya ianya berkuatkuasa segera dengan beberapa tindakan susulan seperti berikut;

- i. Pihak KKAUSM diminta untuk membuat semakan semula dengan pihak CUEPACS Care sama ada perlindungan yang ditawarkan merangkumi perlindungan bagi kes Covid-19.
- ii. Pihak BSM diminta untuk meneliti semula tentang perincian Ex-Gratia sekiranya insurans ini berkuat kuasa kelak.
- iii. Pihak Bendahari diminta untuk menguruskan hal ini dengan kadar segera.

**[Tindakan: Jabatan Bendahari, Bahagian Sumber Manusia, KKAUSM]**

## **MINIT 4 Perkara Daripada Pihak Majikan**

### **4.1 Garis Panduan Nilai dan Etika Penggunaan Media Sosial Bagi Warga Universiti Sains Malaysia**

Mesyuarat dipohon untuk memberi perhatian kepada pembentangan oleh Penasihat Undang-Undang (PUU) berkenaan **Garis Panduan Nilai Dan Etika Penggunaan Media Sosial Bagi Warga Universiti Sains Malaysia** untuk memperihalkan tatacara, peraturan dan kawalan kandungan media sosial yang jelas dan perlu dipatuhi oleh warga USM. Mesyuarat dimaklumkan bahawa garis panduan ini adalah terpakai kepada semua staf dan juga pelajar di USM.

Mesyuarat mengambil perhatian terhadap perkara yang dibentangkan di dalam garis panduan ini. Antaranya ialah:

- i. Latar Belakang & Objektif
- ii. Tafsiran
- iii. Peraturan & Panduan
- iv. Tanggungjawab Warga USM
- v. Tanggungjawab WebMaster dan Pusat Tanggungjawab

Ahli mesyuarat mengambil maklum berkenaan garis panduan, nilai dan etika penggunaan media sosial seperti yang dibentangkan di dalam mesyuarat. Mesyuarat juga telah bersetuju agar pemakluman ini dilaksanakan secara pendekatan yang lebih mudah dan ringkas bagi tujuan kesedaran dan ingatan mesra dari semasa ke semasa.

**[Tindakan: Untuk Makluman]**

## **MINIT 5 : Perkara Daripada Pihak Pekerja**

### **5.1 Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM (PKAPUSM)**

#### **5.1.1 Surat Peringatan dari Pejabat Naib Canselor kepada Staf Akademik**

Pihak PKAPUSM mencadangkan agar maklumat terperinci berkenaan jenis jurnal yang diambil kira dalam pemarkahan, pergerakan gaji, KPI atau "score card" diselaraskan untuk keseluruhan Pusat Tanggungjawab (PTJ).

PKAPUSM memohon kepada Universiti supaya membuat pemakluman yang lebih awal berkenaan jurnal berindeks serta inisiatif bantuan untuk staf yang tidak proaktif dapat dimaklumkan dengan jelas dan terperinci.

Pengerusi memaklumkan kepada mesyuarat berkaitan cadangan yang akan dilaksanakan oleh Universiti bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

- i. Naib Canselor akan mengemukakan surat mohon maaf kepada individu yang terlibat jika terdapat isu atau kesalahan terhadap hebahan atau surat berkaitan prestasi yang telah dikeluarkan;
- ii. Sasaran bagi tahun 2021 akan ditetapkan oleh Jabatan/Pusat Tanggungjawab;
- iii. Tindakan akan diambil kepada staf akademik yang tidak menerbitkan jurnal dalam tempoh 3 tahun atau staf akademik yang tidak menunjukkan sebarang usaha dalam penerbitan jurnal;

**[Tindakan: Untuk Makluman]**

### 5.1.2 Penggunaan Sistem Kehadiran Kerja Fleksi (SKKF) bagi Staf Akademik

PKPAUSM berpendapat bahawa terdapat staf akademik yang mengajar selepas waktu bekerja dan kriteria pengukuran masa bagi staf akademik perlu berasaskan “*output*” dan relektif pada pencapaian KPI.

PKAPUSM memaklumkan kepada mesyuarat bahawa pihak persatuan telah menjalankan sesi kaji selidik kepada staf akademik di Universiti pada 20 Disember 2020. Untuk makluman, seramai 800 orang telah memberikan maklumbalas dan kebanyakan daripadanya tidak bersetuju dengan pelaksanaan SKKF untuk staf akademik.

Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Sumber Manusia memaklumkan kepada mesyuarat bahawa Naib Canselor telah meluluskan dan bersetuju untuk menggunakan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2020 (Dasar Bekerja Dari Rumah) di USM. Untuk makluman mesyuarat, sistem pengurusan kehadiran pegawai ada dinyatakan di dalam pekeliling tersebut yang bertujuan untuk merekod kehadiran dan tempoh masa bekerja menggunakan sistem aplikasi pengurusan kehadiran.

Timbalan Naib Canselor, Akademik & Antarabangsa turut memaklumkan kepada mesyuarat bahawa sistem SKKF ini adalah mesra pengguna dan amat mudah dikendalikan bagi proses pengemaskinian lokasi dan *Clock In*.

Pendaftar memaklumkan mesyuarat bahawa, inisiatif penggunaan SKKF adalah selaras dengan hasrat kerajaan dalam membina kebiasaan baharu pentadbiran khususnya semasa pandemik Covid-19 agar pemantauan kehadiran dan aktiviti/tugasan rasmi staf dapat dilakukan secara berpusat, mudah dan sistematik.

Pendaftar memohon mesyuarat mengambil ingatan serta merekod bahawa, inisiatif penggunaan SKKF ini telah dibawa untuk pertimbangan Universiti dari segi pemakaiannya kepada semua staf, namun penggunaannya kepada staf akademik telah secara rasmi ditolak oleh pihak PKAPUSM.

Naib Canselor mencadangkan sistem SKKF ini digunakan oleh staf akademik yang mempunyai prestasi yang rendah dan kurang memuaskan (berdasarkan penilaian Pusat Pengajian) selama 6 bulan atau 1 tahun.

#### **Keputusan:**

Mesyuarat maklum dan bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan oleh Naib Canselor.

**[Tindakan: Untuk Makluman]**

## 5.2 Perkara Daripada Kesatuan Kakitangan Am USM (KKAUSM)

### 5.2.1 Pengurusan Covid-19

Pihak KKAUSM memohon penjelasan daripada Universiti berhubung dengan beberapa perkara yang melibatkan hal ehwal pengurusan Covid-19 di USM seperti berikut:

**i. Penyediaan dan pembekalan bahan sanitasi dan Personal Protective Equipment (PPE) di PTJ**

KKAUSM memaklumkan kepada mesyuarat bahawa terdapat PTJ yang tidak menyediakan atau tidak mengganti semula bahan sanitasi yang telah habis. Oleh yang demikian, KKAUSM memohon agar pihak Universiti menekankan kepada Ketua Jabatan untuk memastikan bahan-bahan tersebut sentiasa diganti/diisi semula dari semasa ke semasa.

**ii. Perbezaan kualiti PPE yang dibekalkan kepada staf di barisan hadapan**

Pihak KKAUSM memaklumkan kepada mesyuarat bahawa terdapat rungutan dari staf di Hospital USM (HUSM) berkenaan perbezaan kualiti PPE yang dibekalkan kepada staf khususnya pemandu. Pihak KKAUSM memohon kepada Universiti supaya membekalkan kualiti yang sama kepada semua staf di barisan hadapan khususnya dalam pengurusan Covid-19 di HUSM.

**iii. Pusat saluran bagi staf Universiti yang ingin mendapatkan informasi berkenaan Covid-19.**

Pihak KKAUSM memohon perhatian Universiti agar dapat memberikan informasi terkini tentang kedudukan keselamatan kampus kepada warga secara lebih kerap dan terbuka bagi membolehkan staf mengambil langkah pencegahan serta berjaga-jaga khususnya apabila terdapat isi keselamatan/kesihatan di kawasan tertentu di dalam kampus.

Pengerusi mengambil maklum berkenaan perkara yang dinyatakan dan memaklumkan kepada mesyuarat bahawa perbincangan dengan lebih terperinci akan diadakan bersama Pengarah Kampus dan Pengurusan Tertinggi bagi menangani perkara tersebut.

**[Tindakan: Untuk makluman]**

### 5.2.2 Pemantauan Kafeteria Desasiswa Universiti

Pihak KKAUSM memaklumkan kepada mesyuarat bahawa terdapat kafeteria di dalam kampus yang beroperasi dan menjalankan perniagaan tanpa pemantauan dari segi jenis makanan dan sebagainya. Sehubungan itu, KKAUSM memohon perhatian mesyuarat untuk mendapatkan maklumat berhubung status proses pemantauan Kafeteria desasiswa yang pernah dijalankan ini bersama pihak KKAUSM.

Mesyuarat mengambil maklum dan perhatian tentang sejarah pengurusan kafeteria dalam universiti yang telah dijelaskan oleh Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni.

Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni turut memaklumkan kepada mesyuarat bahawa PKAPUSM dan KKAUSM adalah dialukan sekiranya ingin menyertai Jawatankuasa Pemantauan Premis Perniagaan. Untuk makluman, hanya premis kafetaria yang berkait langsung dengan pelajar sahaja yang berada di bawah pemantauan BHEPA.

Pengerusi berpendapat bahawa warga Universiti tidak seharusnya menjangkakan penyediaan menu makanan/minuman di dalam kampus setanding premis perniagaan di luar kampus kerana harga yang ditetapkan juga perlu diambil kira. Namun, Universiti sangat mengambil perhatian tegas terhadap hal-hal kebersihan premis di dalam kampus.

Mesyuarat mengambil maklum bahawa, pihak BHEPA amat mengalu-alukan penglibatan pihak kesatuan dalam proses pemantauan kafeteria yang dijalankan secara berkala.

**[Tindakan: Untuk Makluman]**

## **MINIT 6 : Hal-hal Lain**

### **6.1 Markah Laporan Penilaian Prestasi Staf (MyPerformance)**

Pihak PKAPUSM memohon supaya semua polisi berkaitan dengan pengurusan prestasi staf perlu dibuat secara telus melalui hebahan bagi mengelakkan sebarang persepsi negatif di kalangan staf dan serta keyakinan staf kepada BSM.

Pengerusi mengambil perhatain dan memaklumkan kepada mesyuarat bahawa, setiap keputusan yang diambil bagi menentukan polisi atau dasar adalah dibuat secara teliti melalui jawatankuasa tertentu yang telah dilantik bagi melaksanakan amanah tersebut.

Bahagian Sumber Manusia turut mengambil maklum dan perhatian tentang sebarang perubahan polisi yang memerlukan pemakluman secara jelas kepada staf dan ketua jabatan.

**[Tindakan: Perhatian Bahagian Sumber Manusia]**

### **6.2 Perancangan Penempatan Staf Pentadbiran**

Pihak PKAPUSM berpendapat dan ingin menekankan kepentingan perancangan penempatan staf yang perlu dilaksanakan berdasarkan kepada justifikasi serta disandarkan kepada kompleksiti tugas yang disandang. Penempatan pegawai dicadangkan agar dapat diselarikan dengan perancangan latihan staf.

**[Tindakan: Perhatian Bahagian Sumber Manusia]**

### **6.3 Kenaikan Pangkat Staf Bukan Akademik**

Pihak PKAPUSM memohon supaya pelaksanaan urusan kenaikan pangkat bagi staf bukan akademik dapat dilaksanakan secara telus dan efektif supaya perancangan perjawatan tidak terjejas. Pihak PKAPUSM turut memohon agar sebarang keputusan jawatankuasa pemilih bagi aktiviti kenaikan pangkat dapat dimaklumkan dalam tempoh yang sewajarnya.

**[Tindakan: Perhatian Bahagian Sumber Manusia]**

Pengerusi mengambil maklum atas semua perhatian dan saranan berkaitan dengan pengurusan sumber manusia. Pengerusi turut memaklumkan kepada mesyuarat bahawa, proses kemajuan kerjaya staf tidak pernah disekat atas faktor kewangan universiti. Semua proses kemajuan kerjaya adalah berdasarkan kepada penilaian prestasi serta penilaian terhadap keupayaan staf untuk dipertimbangkan di gred kemajuan kerjaya yang lebih baik.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.35 petang dengan ucapan terima kasih dari Pengerusi kepada semua ahli MBJ yang hadir.

Disediakan oleh :-



ENCIK MOHD ZULKARNAIN BIN  
MOHAMAD TAJULARIFFIN  
Setiausaha Bersama MBJ USM

Disediakan oleh :



ENCIK NOR AMIN BIN AHMAD  
Setiausaha Bersama (Wakil Pekerja)  
MBJ USM